



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

PELAN STRATEGIK ICT (ISP) 2013 - 2017

RINGKASAN EKSEKUTIF



Kawalan Versi

Versi	Tarikh	Komen dan nota
1.0	16 Nov, 2012	Versi Rasmi.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN.....	5
1.1 VISI.....	5
1.2 MISI	5
1.3 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN KWPKB.....	6
1.4 OBJEKTIF.....	8
1.5 FUNGSI DAN PERANAN	10
1.6 CARTA ORGANISASI.....	11
1.7 KERANGKA PELAN STRATEGIK KWPKB	12
1.8 TERAS STRATEGIK PENYATAAN VISI – MAJU (M)	13
1.9 TERAS STRATEGIK PENYATAAN VISI – SEJAHTERA (S)	14
2. STRATEGI ICT KWPKB	16
2.1 TERAS ICT KWPKB	16
2.2 PEMETAAN TERAS ICT KWPKB DENGAN RUANG KERJA ICT SEKTOR AWAM	18
2.3 KERANGKA ICT KWPKB.....	19
2.3.1 PENGGUNA.....	20
2.3.2 SALURAN AKSES	21
2.3.3 APLIKASI	21
2.3.4 PERSEKITARAN (<i>ENABLING ENVIRONMENT</i>)	21
3. INISIATIF BARU	22
3.1 BUSINESS INTELLIGENCE (BI)	25
3.2 SISTEM PENGURUSAN KESEJAHTERAAN BANDAR (SPKB).....	26
3.3 MODUL PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (M-PKB).....	27
3.4 MODUL PEMBANGUNAN EKONOMI	28
3.5 MODUL PEMBANGUNAN SOSIAL.....	28
3.6 MODUL PROFIL PENGGUNA	28
3.7 PUSAT ILMU KOMUNITI WILAYAH (PIKW).....	30
4. PELAN PELAKSANAAN.....	32

5. KOS PELAKSANAAN..... 34

Senarai Rajah

Rajah 1: Pihak Berkepentingan KWPKB.....	6
Rajah 2: Pelanggan KWPKB.....	7
Rajah 3: Fungsi dan Peranan KWPKB.....	10
Rajah 4: Carta Organisasi KWPKB.....	11
Rajah 5: Kerangka Pelan Strategik KWPKB.....	12
Rajah 6: Rumusan Teras Strategik MAJU (M)	13
Rajah 7: Rumusan Teras Strategik SEJAHTERA (S).....	15
Rajah 8: Teras ICT KWPKB.....	16
Rajah 9: Pemetaan Teras ICT KWPKB dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam.....	18
Rajah 10: Kerangka ICT KWPKB	19
Rajah 11: Inisiatif dan Aplikasi Baru.....	24
Rajah 12: Aplikasi Business Intelligence (BI)	25
Rajah 13: Modul-modul dalam Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar (SPKB).....	26
Rajah 14: Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar	27
Rajah 15: Fungsi-fungsi dalam Modul Profil Pengguna (MPP)	29

Senarai Jadual

Jadual 1: Teras Strategik Penyataan Visi - MAJU (M).....	13
Jadual 2: Teras Strategik Penyataan Visi - SEJAHTERA (S).....	14
Jadual 3: Inisiatif dan Aplikasi Mengikut Bahagian dan Seksyen.....	23
Jadual 4: Jadual Pelaksanaan 2013-2017.....	32
Jadual 5: Kos Pelaksanaan Keseluruhan.....	34
Jadual 6: Kos Pelaksanaan mengikut Tahun	35

RINGKASAN EKSEKUTIF
Pelan Strategik ICT (ISP)
2013-2017.

1. PENGENALAN

KWPKB diwujudkan pada tahun 1979 untuk menjalankan tugas dan fungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969. Pada masa itu, KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN juga berfungsi sebagai penyelaras perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Klang selaras dengan penubuhan satu Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Wilayah Lembah Klang.

Bahagian Pembasmian Kemiskinan diwujudkan pada 1 Jun 2011, bagi menyelaraskan pelaksanaan **Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)** di bawah peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

1.1 VISI

“Peneraju Transformasi ke Arah Wilayah Persekutuan Maju dan Bandar Sejahtera Menjelang 2020”.¹

1.2 MISI

“Menerajui kemajuan dan menggerakkan transformasi pembangunan Wilayah Persekutuan serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat bandar melalui perancangan yang strategik dan tadbir urus yang cemerlang.”


¹ LAB KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK KWPKB 2010-2014- SIRI 2, (PERBINCANGAN PADA 3 MEI 2012)- pindaan 21 Jun 2012

1.3 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN KWPKB

Rajah 1 di bawah merupakan rumusan kepada barisan Pihak Berkepentingan KWPKB. Manakala, Rajah 2 berikutnya pula merupakan rumusan kepada barisan Pelanggan KWPKB.



Rajah 1: Pihak Berkepentingan KWPKB



Rajah 2: Pelanggan KWPKB

1.4 OBJEKTIF

Selaras dengan Visi dan Misi, Objektif Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ditetapkan seperti berikut:

1. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada *stakeholders* menerusi pembentukan dasar, perancangan strategik dan pelaksanaan program pembangunan yang bersepadu;
2. Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan melalui Pendekatan *hands on*, mesra rakyat, penggunaan ICT yang meluas dan pewujudan *one stop centre*;
3. Memastikan penyelarasan dan keseragaman pengurusan serta pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan-Badan Berkanun (BBB) adalah berasaskan kepada dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian ke arah mewujudkan PBT dan BBB yang berdikari terutamanya dari segi kewangan;
4. Menjana pertumbuhan ekonomi yang berterusan melalui Pelan Pembangunan Wilayah Persekutuan yang mampan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan;
5. Memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan adalah terkawal tanpa menjejaskan alam sekitar;
6. Memastikan pengurusan bandar seperti aspek kebersihan, pengurusan dan pelupusan sisa pepejal dan penyenggaraan parit dan longkang adalah pada tahap yang terbaik;
7. Mempertingkatkan sistem pengairan dan saliran terutamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Klang bagi mengatasi masalah banjir;
8. Memastikan program-program dan kemudahan-kemudahan dalam bidang pelancongan dilaksanakan dengan sistematik ke arah menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai pusat pelancongan yang utama berasaskan pusat berbelanja, pendidikan dan kesihatan;

9. Merealisasikan hasrat untuk menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya Dan Labuan sebagai bandar dalam taman;
10. Meminimumkan masalah kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan melalui program-program yang boleh meningkatkan tahap pendapatan penduduk;
11. Mewujudkan lebih banyak pusat petempatan yang kondusif untuk kesejahteraan dan kesejahteraan semua lapisan masyarakat;
12. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan sendiri bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
13. Memperbanyakkan pembinaan kemudahan-kemudahan untuk masyarakat seperti Pusat Kegiatan Masyarakat, Wanita dan Belia bagi memastikan Program-program Pembangunan Insan dan Komuniti dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; dan
14. Memperbanyakkan dan mempelbagaikan Program-program Pembangunan Insan, Komuniti dan Keselamatan bagi mengatasi masalah sosial dan jenayah.

1.5 FUNGSI DAN PERANAN


Rajah 3 di bawah merupakan fungsi dan peranan KWPKB.



Rajah 3: Fungsi dan Peranan KWPKB

1.6 CARTA ORGANISASI


Rajah di bawah merupakan carta organisasi Pengurusan Atasan KWPKB, yang diketuai oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan dibantu oleh Timbalan Menteri. Di bawahnya terdapat beberapa bahagian yang menyokong KWPKB untuk terus bergerak maju.



Rajah 4: Carta Organisasi KWPKB

1.7 KERANGKA PELAN STRATEGIK KWPKB

Rumusan Kerangka Pelan Strategik KWPKB adalah digambarkan seperti di dalam Rajah 5 di bawah.



Rajah 5: Kerangka Pelan Strategik KWPKB


Rajah di atas merupakan rumusan kepada Kerangka Pelan Strategik KWPKB. Selaras untuk menggerakkan Visi dan Misi KWPKB, terdapat beberapa bahagian yang menyokong pergerakan tersebut, seperti Pihak Berkepentingan KWPKB, Moto, Nilai Teras dan Objektif. Selain itu, dengan enam (6) teras yang menjadi asas kepada pergerakan Visi dan Misi KWPKB, tidak mustahil untuk KWPKB mencapai matlamat tertinggi dalam jangka masa yang singkat.

1.8 Teras Strategik Penyataan Visi – MAJU (M)

Berikut merupakan Teras Strategik Penyataan Visi – MAJU (M)².

Jadual 1: Teras Strategik Penyataan Visi - MAJU (M)

BIL.	Teras Strategik
M1	Pencapaian ekonomi yang mantap dan pembangunan Keusahawanan yang berdaya saing.
M2	Penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap dan memenuhi keperluan rakyat dan <i>stakeholders</i> .
M3	Mewujudkan masyarakat celik IT dan membudayakan teknologi.
M4	Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi.
M5	Pembangunan organisasi yang cekap melalui tadbir urus yang cemerlang.



Rajah 6: Rumusan Teras Strategik MAJU (M)


² LAB KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK KWPKB 2010-2014- SIRI 2, (PERBINCANGAN PADA 3 MEI 2012)- pindaan 21 Jun 2012

1.9 Teras Strategik Penyataan Visi – SEJAHTERA (S)

Berikut merupakan Teras Strategik Penyataan Visi – SEJAHTERA (S).

Jadual 2: Teras Strategik Penyataan Visi - SEJAHTERA (S)

BIL.	Teras Strategik
S1	Mewujudkan bandar yang terancang , berkualiti, selesa, selamat dan terurus.
S2	Pengangkutan awam yang efisien, boleh dipercayai (<i>reliable</i>) dan selamat.
S3	Perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik.
S4	Perkhidmatan perbandaran yang cekap berasaskan amalan terbaik dan menepati keperluan rakyat.
S5	Masyarakat yang demokratik, bersatu-padu dan mempunyai semangat kejiranan yang tinggi.
S6	Keselamatan awam yang terjamin.
S7	Tahap kesihatan yang tinggi dan amalan gaya hidup sihat.
S8	Alam sekitar yang terpelihara, bersih, indah dan lestari.
S9	Masyarakat berbudaya unggul , berilmu, mempunyai jati diri yang berteraskan nilai murni dengan institusi keluarga yang utuh.
S10	Pengagihan ekonomi yang adil dan peluang pekerjaan yang saksama.




Rajah 7: Rumusan Teras Strategik SEJAHTERA (S)

2. STRATEGI ICT KWPKB

2.1 TERAS ICT KWPKB

Rajah 8 di bawah menunjukkan lima (5) Teras ICT KWPKB.



Rajah 8: Teras ICT KWPKB

Lima (5) Teras Strategik ICT KWPKB adalah seperti berikut:

1. Penambahbaikan Sistem Penyampaian.
2. Pembangunan keupayaan dan kapasiti.
3. Transformasi ICT KWPKB ke arah Servis Elektronik Bersepadu.
4. Ejen Peneraju Masyarakat celik IT dan Pembudayaan Teknologi.
5. Pemangkin pengurusan prestasi dan prihatin rakyat.

Teras Strategik ICT tersebut adalah untuk mencapai **empat (4)** bidang keberhasilan (*Key Result Area*) seperti berikut:


1. TADBIR URUS yang cemerlang.
2. Wilayah Persekutuan MAJU.
3. Bandar SEJAHTERA.
4. PERANCANGAN yang Strategik.

Lima Teras Strategik ICT KWPKB tersebut dijadikan panduan di dalam pembentukan Strategi ICT KWPKB.

2.2 PEMETAAN TERAS ICT KWPKB DENGAN RUANG KERJA

ICT SEKTOR AWAM


Pemetaan teras strategik ICT KWPKB kepada Rangka Kerja Peluang ICT KWPKB yang berpandukan kepada ISP Sektor Awam seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di bawah.



Rajah 9: Pemetaan Teras ICT KWPKB dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam

2.3 KERANGKA ICT KWPKB

Kerangka ICT KWPKB dibentuk berpandukan kepada Kerangka ICT Sektor Awam yang dibangunkan oleh pihak MAMPU seperti dalam rajah di bawah untuk memastikan pembangunan inisiatif ICT KWPKB adalah seiring dengan inisiatif ICT Kerajaan.



Rajah 10: Kerangka ICT KWPKB

Elemen utama ICT yang diperlukan untuk menyokong Kerangka ICT KWPKB adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti keperluan Pihak Berkepentingan KWPKB (*Stakeholders*).
2. Memberi kemudahan saluran akses yang pelbagai untuk memenuhi keperluan Pihak Berkepentingan KWPKB.
3. Memberi penyelesaian Aplikasi dan Sistem kepada pengguna dalaman KWPKB dan juga kepada Pihak Berkepentingan KWPKB.
4. Mempunyai Pangkalan Data Berpusat untuk membantu KWPKB dalam aspek perkongsian data dan maklumat, untuk kegunaan dalaman dan juga membina jaringan kolaborasi dengan pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta bagi

memperkasakan kemampuan KWPKB dalam usaha mensejahterakan bandar dan membasmi kemiskinan bandar.

5. Mempunyai Infrastruktur ICT yang berkemampuan untuk menyokong aplikasi yang sedia ada dan aplikasi yang akan dibangunkan dalam pelaksanaan Pelan Strategik ICT KWPKB.
6. Mempunyai sokongan persekitaran (*enabling environment*) bagi memaksimumkan keberkesanan dan penggunaan ICT dalam semua aspek pengurusan dan operasi KWPKB.

Peluang-peluang ICT yang dikenal pasti mengikut Kerangka ICT KWPKB adalah seperti berikut:

- Pengguna (*Users*).
- Saluran Akses (*Access Channel*).
- Enterprise Portal.
- Business Intelligence (BI).
- Aplikasi Atas Talian.
- Aplikasi *Back Office*.
- Pangkalan Data Berpusat (*Central Database*).
- Infrastruktur ICT (*ICT Infrastructure*).
- Sistem Keselamatan ICT (*ICT Security*).

2.3.1 PENGGUNA

Pengguna utama **Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar (SPKB)** adalah seperti berikut:

- Warga KWPKB di Ibu Pejabat.
- Agensi-agensi Kerajaan yang lain (*OGAs - Other Government Agencies*).
- PBT dan NGO.
- Agensi Pelaksana.
- Masyarakat Awam.

2.3.2 SALURAN AKSES

Saluran akses utama SPKB adalah seperti berikut:

1. Web Browser.
2. Mobile Devices seperti SmartPhone (iPhone, Blackberry, Android), iPad dan sebagainya.
3. Kaunter.
4. Emel.
5. SMS.

2.3.3 APLIKASI

Berikut merupakan kategori aplikasi KWPKB:

1. KWPKB Knowledge Portal.
2. Business Intelligence.
3. Aplikasi Atas Talian.
4. Aplikasi *Back Office*.
5. *Electronic Government Applications*.

2.3.4 PERSEKITARAN (*Enabling Environment*)

Persekitaran berikut adalah amat penting untuk disediakan bagi memastikan kejayaan Pelaksanaan Pelan Strategik Bahagian Pengurusan Maklumat:

1. Kepimpinan & Koordinasi (*Leadership & Coordination*).
2. Dasar & Tadbir Urus (*Policy & Governance*).
3. Harta Intelektual (*Intellectual Property*).
4. Infrastruktur dan Piawaian (*Infrastruktur & Standards*).
5. Sumber Manusia & Pembudayaan (*People & Culture*).
6. Pengurusan Perubahan (*Change Management*).
7. Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (*Research, Development and Innovation*).

3. INISIATIF BARU

Aplikasi dan inisiatif baru ini diujajarkan selaras dengan keperluan pengguna yang dibangkitkan semasa sesi temu bual dan mesyuarat hala tuju ISP. Berdasarkan kepada maklum balas dari kedua-dua sesi tersebut, aplikasi/inisiatif baru di bawah wajar diberi penekanan untuk menyokong teras bisnes KWPKB:


1. Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar.
2. AGISwlk – Refresh.
3. Pusat Komuniti Ilmu Wilayah.
4. Business Intelligence (BI).
5. Mobile Web.

Jadual 3 berikut menunjukkan penjajaran inisiatif baru mengikut fungsi Bahagian dan Seksyen.

BIL.	KATEGORI APLIKASI & INISIATIF --> JENIS APLIKASI --> NAMA APLIKASI --> NAMA BAHAGIAN/SEKSYEN & FUNGSI	CADANGAN APLIKASI & INISIATIF BARU							
		SISTEM PENGURUSAN WILAYAH PERSEKUTUAN (SPWP)				AGSMik Refresh	PUSAT KOMUNITI ILMU WILAYAH	BUSINESS INTELLIGENCE (BI)	MOBILE APPS
		MODUL PROFIL PENGUNA	MODUL PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR	MODUL PEMBANGUNAN EKONOMI	MODUL PEMBANGUNAN SOSIAL				
		1A	1B	1C	1D	2	3	4	5
A	SEKTOR PERANCANGAN & PEMBANGUNAN								
A-1	BAHAGIAN PERANCANGAN DASAR								
A-1-1	SEKSYEN PERANCANGAN DASAR					U		SO	SO
A-1-2	SEKSYEN PERANCANGAN BANDAR	SO				U		U	U
A-2	BAHAGIAN PEMBANGUNAN STRATEGIK								
A-2-1	SEKSYEN PERKHIDMATAN TEKNIKAL					SO		U	U
A-2-2	SEKSYEN PEMBANGUNAN BANDAR	SO						U	U
A-3	BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN								
A-3-1	SEKSYEN PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN					U		U	U
A-3-2	SEKSYEN PROJEK KHAS					U		U	U
B	SEKTOR KESEJAHTERAAN BANDAR & PENGURUSAN								
B-1	BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR								
B-1-1	SEKSYEN PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR	SO	SO	MU	MU	U	SO	U	U
B-1-2	SEKSYEN PEMBANGUNAN EKONOMI	SO	MU	SO	MU	U	MU	U	U
B-1-3	SEKSYEN PEMBANGUNAN SOSIAL	SO	MU	MU	SO	U	MU	U	U
B-2	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN								
B-2-1	SEKSYEN PENGURUSAN PEMBANGUNAN MANUSIA							U	U
B-2-2	SEKSYEN PENTADBIRAN AM							U	U
B-2-3	SEKSYEN PENGURUSAN KEWANGAN							U	U
B-2-4	PENGURUSAN PSIKOLOGI							U	U
B-3	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT								
B-3-1	SEKSYEN PEMBANGUNAN APLIKASI & MULTIMEDIA							U	U
B-3-2	SEKSYEN RANGKAIAN & KESELAMATAN ICT							U	U
B-3-3	SEKSYEN PERANCANGAN & PENGURUSAN PENGGUNA							U	U
C	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG							U	U
D	BAHAGIAN AUDIT DALAM							U	U
E	BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT					U		U	U
F	URUSETIA JAWATANKUASA KERJA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN					U		U	U
Nota: U - User, MU - Main User, SO - System Owner									

Jadual 3: Inisiatif dan Aplikasi Mengikut Bahagian dan Seksyen

Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar dan AGISwlk – Refresh merupakan satu aplikasi Atas Talian (*online*). Manakala, Pusat Ilmu Komuniti Wilayah (PIKW), Business Intelligence (BI) dan *Mobile Web* pula merupakan aplikasi *Back Office* seperti yang digambarkan dalam Rajah di bawah.



Rajah 11: Inisiatif dan Aplikasi Baru

3.1 BUSINESS INTELLIGENCE (BI)

Business Intelligence (BI) merupakan aplikasi utama di dalam membuat analisa bagi pelbagai tujuan seperti menganalisa pemantauan projek, kemiskinan bandar, maklumat bajet, maklumat bantuan dan analisa paparan Statistik Atas Talian (*Online Statistics*) di dalam Knowledge Portal KWPKB serta Management Dashboards. Rajah seterusnya merupakan rumusan kepada fungsi BI KWPKB bagi tujuan tersebut.



Rajah 12: Aplikasi Business Intelligence (BI)

3.2 SISTEM PENGURUSAN KESEJAHTERAAN BANDAR (SPKB)

Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar (SPKB) terdiri daripada beberapa modul seperti:

1. Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar.
2. Modul Pembangunan Ekonomi.
3. Modul Pembangunan Sosial.
4. Modul Profil Pengguna.

SPKB berfungsi sebagai merekod aktiviti yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan bandar yang mana data asas masih merujuk kepada data eKasih. Walau bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada data *focus group*.

Rajah 13 berikut menunjukkan modul-modul yang terdapat di dalam SPKB.




Rajah 13: Modul-modul dalam Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar (SPKB)

3.3 MODUL PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (M-PKB)

Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar bertujuan untuk merekod serta memantau keberkesanan aktiviti pembasmian kemiskinan bandar. Maklumat asas akan diperolehi daripada e-Kasih dan akan dikemas kini mengikut program bantuan yang disalurkan kepada kumpulan sasaran Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Rajah berikut memberi gambaran fungsi Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar.



Rajah 14: Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar

3.4 MODUL PEMBANGUNAN EKONOMI


Modul Pembangunan Ekonomi bertujuan untuk merekod segala maklumat berkaitan dengan penjaja dan peniaga kecil.

3.5 MODUL PEMBANGUNAN SOSIAL

Modul Pembangunan Sosial dikhususkan untuk menyimpan segala maklumat mengenai pelaksanaan penyediaan kemudahan infrastruktur, utiliti dan kemudahan masyarakat di kawasan perumahan.

3.6 MODUL PROFIL PENGGUNA

Modul Profil Pengguna berfungsi bagi merekod pengguna yang dibenarkan membuat capaian kepada aplikasi KWPKB. Maklumat ini perlu disimpan bagi memudahkan kawalan capaian dan mengenal pasti kesahihan pengguna tersebut. Rajah 15 berikut memberikan gambaran tentang fungsi-fungsi dalam Modul Profil Pengguna (MPP).



Rajah 15: Fungsi-fungsi dalam Modul Profil Pengguna (MPP)

AGISwlk adalah singkatan kepada “*Application of Geographical Information System for Klang Valley Region*” telah digunakan sebagai alat sokongan perancangan dalam merumus dan menilai dasar dan strategi pembangunan serta menyelaraskan dan memantau pembangunan Lembah Klang.

Pengenalan meluas teknologi inovatif seperti penggunaan GIS telah menyediakan potensi yang menarik untuk maklumat geografi untuk digunakan dengan lebih sistematik dan dengan kepelbagaian disiplin yang lebih besar daripada sebelum ini. GIS telah terbukti menjadi alat yang tidak ternilai sebagai jalan penyelesaian alternatif kepada masalah perancangan bandar. Perancangan Pangkalan data boleh digunakan secara meluas untuk menjana beberapa penyelesaian alternatif kepada masalah perancangan bandar strategik. GIS menyediakan alat yang berkuasa untuk menguruskan maklumat, sama ada maklumat itu adalah penggunaan tanah, pengangkutan, data bancian, pengurusan hartanah, lokasi yang sesuai, atau beberapa faktor-faktor lain, GIS boleh menyimpan, menganalisa, mengambil, dan memaparkan data tersebut.

AGISwik – Integrasi diwajibkan untuk berinteraksi dengan pelbagai maklumat dari pelbagai sumber agar penggunaan teknologi GIS dapat dimaksimakan.

3.7 PUSAT ILMU KOMUNITI WILAYAH (PIKW)

Pusat Ilmu Komuniti Wilayah (PIKW) membawa konsep yang sama seperti Terminal Sejahtera yang bertindak sebagai pusat komuniti setempat khusus untuk warga emas mendapatkan kemudahan ICT. Inisiatif ini dikira sejajar dengan saranan Perdana Menteri ketika Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2012 pada 17hb Oktober, 2012.

Beliau menyarankan untuk mengadakan satu prasarana yang memerlukan perhatian khusus iaitu pusat aktiviti bagi warga emas secara lebih meluas dalam komuniti setempat. Pusat ini perlu menyediakan kemudahan kepada warga emas, termasuk yang tinggal bersendirian dan kesunyian, melalui aktiviti sosial dan riadah bersama ahli masyarakat yang lain atau rakan sebaya. Adalah wajar supaya projek-projek perumahan baru menyediakan pusat aktiviti warga emas, sama seperti keperluan untuk menyediakan taska dan tadika.³

Berasaskan unjuran yang dibuat, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk terdiri daripada warga emas. Kini golongan warga emas (iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas) adalah seramai 2.2 juta orang atau 7.7% daripada 28.3 juta penduduk Malaysia. Jangka hayat ketika lahir seorang perempuan telah meningkat dari 58 tahun (pada tahun 1957) kepada 77 tahun (pada tahun 2010). Begitu juga perkembangannya untuk lelaki, yang mana jangka hayat ketika lahir menokok dari 56 tahun (pada tahun 1957) kepada 71.9 tahun (pada tahun 2010).⁴

³ Ucapan PM semasa Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2012 (17/10/2021)

⁴ Ucapan PM semasa Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2012 (17/10/2021)

Oleh itu, KWPKB seharusnya bertindak sebagai pemacu dalam melaksanakan aspirasi ini. Secara konsepnya, tempat yang dipilih untuk dijadikan Pusat Ilmu Komuniti Wilayah itu perlu dilengkapi infrastruktur ICT agar warga emas boleh menggunakan kemudahan tersebut untuk:

1. Berkongsi kepakaran dan ilmu yang mereka ada melalui laman sosial seperti facebook, blog, twitter dan sebagainya.
2. Membuat transaksi *online* seperti membayar bil, membaharui lesen dan sebagainya.
3. Mempelajari ilmu secara *online*.
4. Menghubungi sanak saudara secara langsung (*live*) menerusi skype, gtalk atau apa jua fasiliti seumpamanya.

4. PELAN PELAKSANAAN

Jadual 4 menunjukkan Pelan Pelaksanaan inisiatif ICT dengan mengambil kira inisiatif baru dan inisiatif sedia ada.

	TAHUN PELAKSANAAN	2013				2014				2015				2016				2017			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
	PROGRAM ICT																				
A	INISIATIF SEDIA ADA																				
A-1	APLIKASI																				
A-1-1	Penambahbaikan Sistem COE (Pengurusan Dokumen Elektronik) - EDMS																				
A-1-2	Pelaksanaan Perkongsian Maklumat Dengan Agensi																				
	Pembangunan Sistem Bersepadu Lesen 1Wilayah																				
A-2	RANGKAIAN & KESELAMATAN																				
A-2-1	Persidangan Video																				
A-2-2	Peranti Keselamatan Dalaman (Internal Firewall)																				
A-2-3	Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (Business Continuity Plan)																				
A-2-4	Security Posture Assessment (SPA) secara berkala																				
A-2-5	Penyenggaraan Rangkaian dan Keselamatan																				
	Akses VPN																				
	Dynamic IP																				
	Core Switch, Firewall, Wireless, Layer 7																				
	IPv6 (IP Mgmt Software)																				
	VW Ware Maintenance																				
B	INISIATIF BARU																				
B-1	Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar																				
B-1-1	Modul Profil Pengguna																				
B-1-2	Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar																				
B-1-3	Modul Pembangunan Ekonomi																				
B-1-4	Modul Pembangunan Sosial																				
B-1-5	Business Intelligence																				
B-1-6	Mobile Webs																				
B-2	GIS - Integrasi																				
B-3	Pusat Ilmu Komuniti Wilayah																				
B-3-1	Pilot (2 pusat komuniti)																				
B-3-2	Kajian Keberkesanan & Surveys																				
B-3-3	Perluasan (ke 10 pusat komuniti terpilih)																				
C	Tambahbaik Laman Web/Portal																				
C-1	Upgrade Portal Kementerian																				
C-2	Security Portal																				
C-3	Portal Greater KL/KV																				
C-3-1	Upgrade Greater KL/KV																				
C-3-2	Hosting Portal Greater KL/KV																				
C-4	Revamp Portal River of Life																				

Jadual 4: Jadual Pelaksanaan 2013-2017

Inisiatif sedia ada merupakan inisiatif yang telah dirancang dalam ISP KWPKB 2010-2014 yang mana pelaksanaannya dibuat dalam penggal kedua ISP KWPKB 2010-2014 iaitu:

1. Penambahbaikan Sistem COE (Pengurusan Dokumen Elektronik) – EDMS.
2. Pembangunan Sistem Bersepadu Lesen 1Wilayah.
3. Persidangan Video.
4. Peranti Keselamatan Dalaman (*Internal Firewall*).
5. Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Plan*).
6. *Security Posture Assessment* (SPA) secara berkala.
7. Penyenggaraan Rangkaian dan Keselamatan merangkumi:
 - a. Akses VPN.
 - b. *Dynamic IP*.

- c. *Core Switch, Firewall, Wireless, Layer 7.*
 - d. *IPV6 (IP Management Software).*
 - e. *VM Ware Maintenance.*
8. Tambah baik Laman Web/Portal:
- a. *Upgrade Portal Kementerian.*
 - b. *Security Portal.*
 - c. *Portal Greater KL/KV.*
 - d. *Upgrade Greater KL/KV.*
 - e. *Hosting Portal Greater KL/KV.*
 - f. *Revamp Portal River of Live.*

Pelaksanaan inisiatif baru dijangka bermula dalam tahun 2014 memandangkan tumpuan perlu diberikan kepada pelaksanaan inisiatif sedia ada terlebih dahulu dalam tahun 2013.

Inisiatif baru dijangka bermula dalam tahun 2014 adalah:

1. Sistem Pengurusan Kesejahteraan Bandar merangkumi:
 - a. Modul Profil Pengguna.
 - b. Modul Pembasmian Kemiskinan Bandar.
 - c. Modul Pembangunan Ekonomi.
 - d. Modul Pembangunan Sosial.
 - e. Business Intelligence (BI).

2. Pusat Ilmu Komuniti Wilayah:

Pelaksanaan perintis dalam tahun 2014 merupakan pelaksanaan percubaan untuk mengkaji keberkesanan inisiatif kepada komuniti setempat. Kaji selidik keberkesanan akan dilaksanakan selepas enam (6) bulan pelaksanaan.

Manakala dua inisiatif di bawah dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 2015:

1. *Mobile Webs.*
2. *GIS – Integrasi.*